

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWON
[ALOR GAJAH]**

TARIKH : 28 MEI 2015

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sebab-sebab yang akan menyebabkan harga getah dan kelapa sawit jatuh dan menyatakan strategik untuk membantu penoreh getah serta penanam kelapa sawit akibat kejatuhan mata wang negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga minyak sawit dan getah seperti komoditi lain yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa, bergantung kepada penawaran dan permintaan serta pertumbuhan ekonomi global. Selain itu, harga minyak petroleum mentah dunia yang rendah turut membantutkan permintaan biobahan api berasaskan sawit dan peningkatan pengeluaran getah di kalangan negara-negara baru seperti Vietnam dan Cambodia juga telah mengakibatkan lambakan stok dalam pasaran antarabangsa. Selain faktor penawaran dan permintaan, harga getah juga sensitif kepada sentimen pasaran yang dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dan sosio-politik dunia, pertukaran mata wang dan spekulasi pasaran hadapan.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sentiasa mengambil berat dan memantau akan ketidaktentuan harga kedua-dua komoditi ini. MPIC juga sentiasa proaktif dalam menerajui usaha-usaha strategik bagi memperkukuh dan menstabilkan harga serta membantu mengurangkan impak ke atas penanam kelapa sawit dan getah terutama kepada pekebun-pekebun kecil melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut:

i. Meningkatkan Penggunaan Domestik Produk-Produk Sawit dan Getah

Untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit di pasaran tempatan, MPIC telah melaksanakan Program Biodiesel B7 mulai November 2014 di seluruh negara untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit serta mengurangkan stok bagi memberi impak yang positif kepada harga minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil-CPO*).

Bagi sektor getah pula, di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang melibatkan Malaysia, Indonesia dan Thailand, ketiga-tiga negara pada 20 November 2014 telah bersetuju untuk meningkatkan penggunaan getah domestik sebanyak 10 peratus setahun bagi mengurangkan stok getah asli semasa dunia yang tinggi iaitu, 3 juta tan.

ii. Meningkatkan Permintaan dengan Memperkukuh Pasaran Sedia Ada dan Meneroka Pasaran Baharu

MPIC giat menjalankan aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di luar negara melalui penyertaan dalam pameran, ekspo perdagangan dan misi teknikal yang dianjurkan oleh pelbagai pihak bagi mempromosi produk komoditi yang dikeluarkan oleh syarikat dan pembekal tempatan serta meningkatkan lagi tahap kesedaran pengguna mengenai kebaikan produk sawit dan getah keluaran Malaysia.

Selain itu, MPIC juga berusaha bagi meningkatkan akses pasaran yang lebih baik dalam perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau seperti *Trans Pacific Partnership* (TPP) dan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP). Tujuannya adalah bagi membolehkan produk-produk sawit dan getah Malaysia dieksport ke pasaran yang lebih luas dan seterusnya meningkatkan penggunaan minyak sawit dan getah di kalangan pengguna di negara pengimport.

iii. Mempergiatkan Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk memperbanyak produk nilai tambah

Bagi memastikan sektor sawit dan getah terus berdaya saing di pasaran antarabangsa, aktiviti R&D tertumpu kepada usaha untuk meningkatkan lagi penggunaan minyak sawit dan getah dan memperbanyakkan produk nilai tambah tinggi untuk pasaran eksport. Di samping itu, dalam sektor getah, Malaysia telah mencapai kesepakatan melalui ITRC untuk bertukar-tukar maklumat hasil penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baru getah antara ketiga-tiga negara anggotanya.

Industri minyak sawit dan getah negara juga digalakkan untuk meneroka dan memperluaskan perniagaan mereka ke pasaran yang disifatkan sebagai *niche markets* untuk mendapatkan nilai pasaran yang lebih tinggi.

iv. Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK)

Skim ini bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan pekebun kecil yang berhasrat untuk menanam semula sawit yang kurang produktif atau yang ingin memperluaskan kawasan tanaman sawit sedia ada. Di bawah skim ini, pekebun kecil persendirian yang mempunyai pemilikan tanah kurang dari 40 hektar akan menerima bantuan tanam semula berjumlah RM7,500 sehektar di Semenanjung Malaysia dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak. Bantuan ini dihadkan kepada 5 hektar seorang. Bantuan ini adalah bagi membantu pekebun kecil membiayai kos penyediaan tanah, bahan tanaman dan input pertanian.

v. Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil (SBSPK)

Di bawah skim ini, para pekebun kecil yang tidak pernah menerima sebarang bantuan akan disediakan bantuan baja untuk tanaman sawit mereka. Bantuan baja ini adalah pada kadar RM3,000 bagi sehektar dan dihadkan seluas 3 hektar seorang.

vi. Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK)

Mereka yang menerima bantuan ini adalah terdiri daripada pekebun kecil yang menerima bantuan TSSPK dan memiliki

keluasan tanah tidak melebihi 2.5 hektar pada kadar RM500 sebulan selama 2 tahun.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain daripada langkah-langkah tersebut, Kerajaan melalui Bajet 2015 telah memperuntukkan dana awal sebanyak RM100 juta bagi melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai Januari 2015. IPG akan dapat meringankan beban pengurangan pendapatan para pekebun kecil getah semasa harga getah merudum.

IPG akan diaktifkan apabila paras harga SMR 20 FOB berada pada RM4.60 se kg dan harga *cuplumps* adalah RM1.75 se kilogram (se kg) dan ke bawah. Pelaksanaan IPG melibatkan pemberian insentif pengeluaran seperti berikut:

- i. RM0.30 bagi se kg *cuplumps* (50% Kandungan Getah Kering - KGK);
- ii. Maksima RM0.90 bagi se kg lateks berdasarkan peratus KGK; dan
- iii. Maksima RM0.60 bagi se kg getah *Unsmoked Sheet* (USS) berdasarkan KGK.

Kerajaan juga mulai November 2014 telah melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang melalui penetapan diskaun antara harga

SMR 20 *Free on Board* (FOB) dan harga yang diterima oleh pekebun kecil. Mekanisme ini melibatkan antara lain, penyertaan koperasi dalam urusanniaga getah bagi mengurangkan lapisan pembeli. Harga tersebut dipaparkan melalui tiga saluran televisyen iaitu TV1, TV2 dan TV9. Bagi melaksanakan program ini, Kerajaan memperuntukkan RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi yang layak untuk tujuan urusanniaga. Langkah ini dijangka dapat meningkatkan harga di ladang yang diterima oleh para pekebun kecil.

Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan insentif menanam semula pokok-pokok getah yang tua dengan benih klon getah yang berkualiti tinggi dengan menaikkan jumlah geran tanam semula daripada RM7,000 sehektar kepada RM9,230 sehektar di Semenanjung Malaysia berkuatkuasa pada 2011 dan dilanjutkan kepada Sabah dan Sarawak masing-masing pada kadar RM14,000 sehektar dan RM13,500 sehektar.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan berharap dengan langkah-langkah ini, maka harga minyak sawit dan getah akan mengukuh dan memberikan kesan positif kepada harga kedua-dua komoditi ini dan sekaligus memastikan pendapatan penanam sawit dan getah tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.